


6 Bagaimana

pembedahan katarak dijalankan?

- Pembedahan katarak biasanya dijalankan sebagai prosedur rawatan seharian (tidak memerlukan kemasukan ke wad)



'Phacoemulsification'

- Biasanya dijalankan melalui bius setempat
- Kanta kabus dikeluarkan samada melalui pembedahan ('extracapsular cataract extraction'-ECCE) atau 'ultrasonic fragmentation' (teknik ini dipanggil 'phacoemulsification')
- Kanta tiruan akan dimasukkan ke dalam mata

Biasanya dan bergantung kepada keperluan anda, penggunaan kacamata diperlukan untuk meningkatkan penglihatan selepas pembedahan.

Penting untuk dimaklumkan bahawa keberkesanan tidak hanya bergantung kepada pembedahan, tetapi juga keadaan kesihatan mata anda dan penjagaan selepas pembedahan yang baik.

Doktor mata dapat menasihati apa yang anda perlu lakukan.

Carta Penglihatan Dekat

- Uji pada jarak 40 sm
- Uji sebelah mata anda pada satu masa


V	N	0,1						
D	H	P	0,2					
Z	C	T	B	0,3				
R	D	P	V	F	Z	0,4		
E	O	Z	L	B	H	0,5		
Z	N	H	R	E	L	0,6		
N	R	F	M	H	Z	D	B	0,8
H	Z	N	R	F	C	T	V	0,9

Jika anda tidak dapat melihat barisan terakhir, sila dapatkan pemeriksaan doktor.



Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Oktober 2002 / 100,000



Katarak

boleh menyebabkan

kebutaan, tetapi


intervensi awal

dapat menghalangnya

daripada berlaku.

Apakah katarak?

Katarak ialah keadaan di mana kanta semulajadi mata menjadi kabus.



Anatomi mata

Apakah yang menyebabkan katarak?

- Usia yang lanjut
- Diabetes Mellitus
- Merokok
- Cahaya Ultraviolet
- Kecederaan
- Dilahirkan dengan katarak (kongenital)

Bagaimana diketahui bahawa anda mendapat katarak?

- Pandangan anda kabur
- Anda sukar membaca
- Anda perlu kerap menukar cermin mata
- Pandangan anda teruk dalam cahaya terang
- Anak mata menjadi putih



Katarak

4

Bolehkah katarak dirawat?

Ya, tetapi pada peringkat awal dimana penglihatan tidak terganggu, rawatan mungkin tidak diperlukan. Keseluruhan rawatan bergantung kepada keterukan dan keperluan - keperluan penglihatan individu sendiri. Diperingkat awal, doktor mungkin menasihati anda untuk memakai cermin mata.

Bila kacamata tidak lagi dapat membantu, satu pembedahan untuk mengeluarkan katarak perlu dilakukan.



Pembedahan Katarak

Bolehkah ubat cecair mata atau vitamin 5 mengubati katarak?

Tidak. Perubahan pencahayaan dalam kanta mata tidak dapat diubahi dan cara menyelesaikan masalah hanya dengan melakukan pembedahan apabila aktiviti individu tersekat.

BEBASKAN DIRI DARIPADA KATARAK!

Utamakan hidup berkualiti dalam kehidupan anda.